

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**SOALAN**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keberkesanan program pemulihan dan pengintegrasian di Sekolah Tunas Bakti di seluruh negara. Sejauh manakah anak-anak muda yang bermasalah di sekolah ini diberi peluang untuk membentuk peribadi yang kukuh dan hidup berdikari dalam masyarakat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin dan sentiasa memastikan program pemulihan terhadap kanak-kanak di institusi kanak-kanak memberi impak yang positif. Kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang dan memerlukan pemulihan, ditempatkan di sembilan buah Sekolah Tunas Bakti (STB) seluruh Malaysia. Pelbagai langkah dan usaha memulihkan jati diri serta keperibadian kanak-kanak disediakan melalui program pemulihan di dalam institusi termasuk persediaan untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Terdapat kajian dilakukan oleh para penyelidik berkaitan keberkesanan program pemulihan yang dilaksanakan di STB. Berdasarkan kajian oleh Prof. Dr. Azizi Hj. Yahaya dan rakan-rakan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2008 berkaitan “Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak di Sekolah Henry Gurney dan Tunas Bakti”. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan beberapa program yang dilaksanakan di STB adalah pada tahap yang sederhana dan tinggi berdasarkan skor yang diberikan oleh penghuni institusi. Pengkaji mencadangkan agar beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan terhadap program-program yang sedang dijalankan agar matlamat pemulihan kepada kanak-kanak dapat tercapai khususnya daripada aspek akademik, latihan vokasional dan khidmat kaunseling kepada kanak-kanak.

Hasil cadangan berkenaan, JKM telah menambahbaik perkhidmatan dan program pemulihan yang dilaksanakan di institusi secara keseluruhannya. Perkhidmatan dan program yang dilaksanakan di STB adalah seperti berikut :

**a) Khidmat nasihat dan Kaunseling**

Semua institusi STB mempunyai Pegawai Psikologi yang berperanan untuk memberi perkhidmatan kaunseling, membantu kanak-kanak mengatasi masalah emosi dan

psikologi serta membentuk sikap dan tingkah laku yang sesuai. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah seperti kaunseling individu, kaunseling kerjaya, kaunseling keluarga, program psikopendidikan, penaksiran ujian psikologi dan konsultasi.

**b) Pendidikan Akademik**

Kanak-kanak diberi peluang untuk meneruskan persekolahan mengikut sistem aliran perdana Kementerian Pendidikan iaitu sama ada bersekolah di sekolah luar atau yang disediakan di dalam institusi kanak-kanak JKM.

**c) Latihan Kemahiran dan Vokasional**

Latihan kemahiran dan vokasional disediakan sebagai alternatif kepada kanak-kanak yang tidak pernah atau tidak berminat untuk mengikuti aliran akademik. Kelas kemahiran dan vokasional yang disediakan adalah melibatkan beberapa bidang yang diiktiraf oleh industri seperti automotif, pendawaian elektrik, kimpalan, batu bata, roti dan kek, jahitan, pertanian serta landskap. Bidang-bidang ini dipilih kerana mempunyai potensi kebolehpasaran yang tinggi untuk kanak-kanak mendapat pekerjaan setelah keluar dari institusi dan mendapat persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Berdasarkan statistik JKM dari tahun 2016 hingga 2018, seramai 582 orang kanak-kanak dari STB telah memperolehi persijilan yang diiktiraf industri seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Profesional Giat Mara dan Sijil Profesional Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Di samping itu, sebanyak sembilan (9) buah institusi kanak-kanak JKM juga turut diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah/ Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan melayakkan kanak-kanak mendapat persijilan kemahiran Malaysia.

**d) Aktiviti Keagamaan dan Moral**

Kanak-kanak yang ditempatkan di institusi turut disediakan aktiviti keagamaan dan moral yang bertujuan memupuk nilai-

nilai murni bagi menjamin pertumbuhan rohani dan akhlak mereka. Semua kanak-kanak diberi peluang untuk mengamalkan agama ibubapa mereka. Kanak-kanak yang beragama Islam disediakan aktiviti seperti Fardhu Ain, Bacaan Al-Quran, Iqra dan Tajwid. Galakan juga diberi kepada kanak-kanak bukan beragama Islam untuk mengamalkan agama masing-masing dan dibenarkan untuk hadir ke kuil, gereja dan tokong.

**e) Aktiviti Ko-Kurikulum**

Pelbagai program dan aktiviti bentuk kesenian, sukan, olahraga dan rekreasi disediakan kepada kanak-kanak di institusi STB yang bertujuan meningkatkan semangat juang, jati diri dan bekerja secara berpasukan dalam diri mereka. Kanak-kanak juga dilibatkan dengan aktiviti bersama pihak luar seperti NGO, universiti dan syarikat korporat melalui program motivasi dan kesedaran untuk persediaan keluar dari institusi.

**f) Latihan Pembangunan Kerjaya Melalui Program Suai Kasih**

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak berkaitan keperluan perkembangan kerjaya serta membimbing mereka untuk memahami aspek pertumbuhan, penerokaan, pengukuhan dan pengekalan kerjaya setelah keluar dari institusi untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. Program ini memberi panduan untuk penempatan pekerjaan kanak-kanak yang disuai padan dengan latihan kemahiran yang diiktiraf industri yang dikenal pasti oleh JKM.

Secara keseluruhannya, kementerian melalui JKM telah melaksanakan pelbagai program bagi memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang ditempatkan di STB. Kerjasama semua pihak sama ada agensi kerajaan, korporat, NGO dan masyarakat untuk menerima dan memberi sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak adalah langkah yang paling berkesan memulihkan jati diri dan keperibadian mereka.